

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



JABATAN KEBAJIKA MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

DOKUMEN SEBUT HARGA

TAJUK TAWARAN : SEBUTHARGA MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KIT BENCANA KE
JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT NEGERI PULAU
PINANG

NO. SEBUT HARGA : JKMNPP/SH/02/2018

KOD BIDANG : 020402

TARIKH TAWARAN DIBUKA : 18 SEPTEMBER 2018 (SELASA)

TARIKH & MASA TAWARAN DI : 25 SEPTEMBER 2018 (SELASA)
TUTUP 12.00 TGH HARI

PERINGATAN PENTING

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGISIKANNYA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI AKAN MENYEBABKAN TAWARAN SEBUT HARGA TERSEBUT TIDAK DIPERTIMBANGKAN.

**SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KIT BENCANA KE
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG**

JKMNPP/SH/2/2018

ISI KANDUNGAN

- I. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA
- II. KENYATAAN SEBUT HARGA
- III. ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
- IV. CADANGAN TEKNIKAL
- V. CADANGAN KEWANGAN

*Penyebutharga adalah diingatkan supaya melindungi dokumen ini sepertimana yang termaktub di bawah Akta Rasmi 1972.

SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

SYARAT-SYARAT AM

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan butir-butir penuh diberi.

5. PENYETUJUAN

- (I) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (II) Tiap-tiap satu butiran akan dipertimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (I) Kerajaan adalah sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang (perkhidmatan) yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (I) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (II) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (III) Fasa-fasa (I) dan (II) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

(I) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

(II) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

17. PEMBUNGKUS

(I) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus.

(II) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

(III) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

KENYATAAN SEBUTHARGA

KENYATAAN SEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA : JKMNPP/SH/02/2018

1. KENYATAAN TAWARAN

1.1 Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam semua kod bidang bagi tawaran berikut;

Tajuk	Kod Bidang	Tarikh Iklan	Tarikh Tutup Sebut Harga
SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KIT BENCANA KE JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG	020402	18 SEPTEMBER 2018 (Selasa)	25 SEPTEMBER 2018 (Selasa) Jam : 12.00 tengah hari

- 1.2 Sebut harga yang lewat diterima tidak akan diterima / dilayan. Jabatan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut harga yang dihantar secara atas talian.
- 1.3 Semua keterangan mengenai Sebut harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan/bekalan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.4 Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut harga.
- 1.5 Pemilihan pembekal akan dibuat berdasarkan kebolehan dalam memenuhi skop kerja yang ditetapkan, konsep kreatif yang disediakan dan anggaran kos yang ditawarkan oleh penyebutharga dan hanya penyebutharga yang berjaya akan dihubungi.
- 1.6 Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) berhak menamatkan kerja yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya:
- Tidak mematuhi jadual perkhidmatan yang ditetapkan;
 - Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
 - Tidak membekalkan bahan/perkhidmatan mengikut spesifikasi.

2. KELAYAKAN PENYEBUTHARGA

Sebut harga ini dibuka kepada mana-mana syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang berikut :-

**020402 - Perkakasan dan Bahan Kebersihan Diri Dan
Mandian, Kelengkapan Bilik Air dan Aksesori**

3. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA (MANUAL)

Cadangan Kewangan dan Cadangan Teknikal yang telah lengkap diisi beserta Dokumen Sokongan hendaklah dimasukkan secara manual ke dalam peti Sebut harga di;

**Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
Lapisan 30, Menara KOMTAR,
10564 Pulau Pinang.**

(Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 25 September 2018)

Sebut harga yang lewat diterima **TIDAK AKAN** dipertimbangkan sama ada secara atas talian atau dihantar secara manual.

4. PERTANYAAN

4.1 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

- (I) Puan Norhashimah Binti Haji Ibrahim
Tel : 04-6505259 sambungan 114
- (II) Encik Jazli Bin Mat noor
Tel : 04-6505259 sambungan 111
- (III) Puan Siti Munawarah Binti Haji Othman
Tel : 04-6505259 sambungan 129

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

NO. SEBUT HARGA : JKMNPP/SH/02/2018

1. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Penyebutharga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan Dokumen Sebut Harga dengan TELITI sebelum mengemukakan tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, mengakibatkan tawaran Sebut Harga tersebut tiak dipertimbangkan.

- 1.1 Penawaran Sebut Harga hendaklah dibuat melalui **LAMPIRAN Q (Kew.284.Pin.5/94)**.
- 1.2 Penyebutharga tidak dibenarkan mengubah atau meminda sebarang kandungan, terma atau perkataan di dalam **LAMPIRAN Q (Kew.284.Pin.5/94)** selain untuk tujuan mengisi maklumat dan tawaran. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang berhak menolak Sebut Harga yang melanggar syarat ini.
- 1.3 Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas oleh individu yang menandatangani Borang Sebut Harga. **PENGUNAAN SEBARANG PEMADAM CECAIR ADALAH TIDAK DIBENARKAN.** Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan, membolehkan sebut harga tersebut tidak dipertimbangkan / ditolak. Penyebutharga hanya dibenarkan menghantar SATU (1) jenis cadangan sahaja bagi sebut harga yang ditawarkan.

2. JANGKA MASA SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut Harga mestilah sah laku dalam jangka masa tidak melebihi sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga.

3. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

(I) Secara Manual dalam Peti Sebut Harga

Cadangan Serahan Sebut Harga (secara manual) yang lengkap dan sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga. Peti Sebut Harga ditempatkan di alamat berikut :

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG
LAPISAN 30, KOMTAR
10564 PULAU PINANG**

- 3.1 Dokumen Sebut Harga (secara manual hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang dicatatkan seperti berikut:

No. Rujukan Sebut Harga : JKMNPP/SH/02/2018

“TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KIT BENCANA KE JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG”

- 3.2 Dokumen-dokumen perlu dikemukakan adalah seperti **Lampiran C.**

3.3 Dokumen-dokumen WAJIB yang perlu dihantar secara manual adalah:

Cadangan Teknikal (Sampul A)

Bil.	Perkara	Semak
1	Lampiran A : Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal	
2	Brosur / Katalog dan Sample Barang (Wajib)	

Cadangan Kewangan (Sampul B)

Bil.	Perkara	Semak
1	Lampiran Q	
2	Lampiran A (i) : Senarai Pengalaman	
3	Lampiran B : Borang Keterangan Diri Penyebutarga	
4	Lampiran C : Senarai Semak	
5	Lampiran D : Jadual Tawaran Harga	
6	Lampiran D1 : Ringkasan Jadual Tawaran Harga	
7	Lampiran E : Surat Perwakilan Kuasa	
8	Lampiran F : Surat Akuan Pembida	
9	Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	
10	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan & Sijil Akuan Bumiputera	
11	Salinan Penyata Bulanan Bank 3 Bulan Terakhir (Bulan Jun, Julai & Ogos 2018)	
12	Profail Ringkas Syarikat	

4. TAWARAN LENGKAP SEMUA PERKHIDMATAN / BEKALAN

Penyebutharga dimestikan mengemukakan tawaran yang lengkap bagi kesemua Perkhidmatan/Bekalan yang dinyatakan di Lampiran A, Lampiran A(i), Lampiran B, Lampiran C, Lampiran D, Lampiran D1, Lampiran E, Lampiran F dan Lampiran Q. Penyebutharga yang gagal mengemukakan tawaran yang lengkap bagi kesemua perkhidmatan / bekalan yang dinyatakan akan menyebabkan tawaran yang lengkap bagi kesemua perkhidmatan / bekalan yang dinyatakan akan menyebabkan **tawaran sebut harga tersebut ditolak.**

5. KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI

- 5.1 Jadual Pematuhan Spesifikasi adalah seperti di **LAMPIRAN A** (Cadangan Teknikal).
- 5.2 Sebarang item yang pada asalnya tidak dicadangkan oleh Penyebutharga yang berjaya dalam tawaran Sebut Harganya tetapi diperlukan untuk menjayakan tujuan dan objektif sebut Harga ini, ianya hendaklah dibekalkan dan ditanggung oleh Penyebutharga tersebut.
- 5.3 Penyebutharga adalah bertanggungjawab memastikan perkhidmatan / bekalan dapat berfungsi dan beroperasi di tahap yang memuaskan sebelum ianya diserahkan dan diterima dengan rasmi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang.
- 5.4 Perakuan penerima perkhidmatan/bekalan hanya akan dibuat setelah diperiksa oleh pegawai Jabatan yang diberi kuasa.
- 5.5 Pegawai tersebut berhak membuat penolakan terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan, rendah kualiti atau yang tidak mengikut Spesifikasi Sebut Harga yang ditetapkan. Penyebutharga yang tidak mengikut Spesifikasi Sebut Harga yang ditetapkan hendaklah menggantikan perkhidmatan yang ditolak tersebut dengan peralatan yang setara atau lebih baik. Kos perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga.
- 5.6 Spesifikasi teknikal yang dikehendaki adalah sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Pematuhan Spesifikasi dokumen Sebut Harga. Sebarang keraguan terhadapnya hendaklah dirujuk kepada pegawai yang berkenaan dan keputusannya adalah muktamat.
- 5.7 Sebarang tuntutan kenaikan harga bagi manamana alat ganti yang timbul akibat daripada perbezaan di antara pentafsiran Jabatan dengan penyebutharga mengenai spesifikasi alat-alat yang berkenaan tidak akan dilayan.

- 5.8 Penyebutharga hendaklah menyebut harga bagi semua bekalan/ perkhidmatan (mana yang berkenaan) yang disenaraikan dalam **Lampiran D – Jadual Tawaran Harga dan Lampiran Q, selaras dengan pelaksanaan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762]**,
- 5.9 JKM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh mana-mana Penyebutharga dalam penyediaan dan penyerahan tawaran Sebut Harga ini tanpa mengambil kira sama ada hasil proses Sebut Harga ini berjaya atau sebaliknya.

6. DENDA LEWAT BAGI PERKHIDMATAN / BEKALAN

Jika Penyebutharga yang berjaya, gagal melaksanakan perkhidmatan / bekalan mengikut tempoh yang ditetapkan, Penyebutharga adalah dikendaki membayar denda yang berjumlah 1% daripada nilai perolehan yang lewat untuk setiap minggu atau sebahagian daripada minggu tersebut.

7. HARGA TAWARAN

- 7.1 Harga Tawaran Penyebutharga hendaklah diisi dalam **Lampiran Q, Jadual Tawaran Harga (Lampiran D) & Ringkasan Tawaran Harga (Lampiran D1)**. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos bersangkutan dengan Bekalan alatan seperti pengangkutan, perkhidmatan, cukai, dan lain-lain kos Penyebutharga tidak dibenarkan menawarkan lebih dari satu (1) harga tawaran. Jika terdapat tawaran pilihan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang berhak menolak semua tawaran yang dikemukakan.
- 7.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam tawaran ini **adalah harga tetap serta tanpa mengambil kira GST dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja** serta hendaklah termasuk semua kos menghantar serta tidak boleh dipinda selepas penawaran Sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dan dalam tempoh sah laku Sebut Harga. Harga yang ditawarkan oleh Penyebutharga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan KECUALI atas persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak.
- 7.3 Harga-harga yang ditawarkan mestilah mengambilkira segala kos yang terlibat semasa atau selepas tawaran, kos pentadbiran dan lain-lain kos yang berkaitan.
- 7.4 **KERAJAAN TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA MANA-MANA TAWARAN YANG TERENDAH** atau mana-mana tawaran. Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh Penyebutharga bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh kerajaan sekiranya berjaya di dalam penawaran Sebut Harga ini.

- 7.5 JKMNPP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh mana-mana Penyebutharga dalam penyediaan dan penyerahan tawaran Sebut harga ini tanpa mengambil kira sama ada hasil proses Sebut harga ini berjaya atau sebaliknya.

8. PEMBATALAN SEBUT HARGA

JKMNPP berhak membatalkan Sebut harga ini sekiranya diperlukan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh Penyebutharga kerana urusan Sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab Penyebutharga terhadap perkara berkenaan dan tidak boleh dituntut kepada JKM atas kerugian.

9. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

- 9.1 JKMNPP akan memberi notis bertulis kepada penyebutharag yang berjaya apabila tawaran Sebut Harga dipersetujui. Notis ini boleh mengandungi syarat-syarat tawaran atau pengubahsuaian tawaran. Tawaran Sebut harga ini tidak boleh diterima sehinggalah syarat itu adalah diterima JKMNPP adalah berhak mempersetujui tawaran Sebut harga sama ada kesemuanya atau sebahagiannya.
- 9.2 Apabila disetujui terima, maka kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara JKMNPP dan Penyebutharga mengikut syarat-syarat kontrak yang dilampirkan (termasuk syarat-syarat tambahan atau yang apa-apa perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini).
- 9.3 JKMNPP tidak terikat untuk mempersetujui mana-mana tawaran Sebut harga yang terendah atau mempersetujui mana-mana jua tawaran Sebut harga.

10. TINDAKAN TATATERTIB / PEMBATALAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR

10.1 Jika mana-mana Penyebutharga:

- 10.1.1 Menarik balik tawaran Sebut harga ketika proses Sebut harga sedang berlangsung; atau
- 10.1.2 Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tawaran Penyebutharga (dan Dalam hal ini yang sedemikian ia hendaklah disifatkan enggan dan tidak melaksanakan perjanjian kontrak yang normal atau mendepositkan bon pelaksanaan atau tidak meneruskan kerja-kerja setelah Penyebutharga disetujui terima.
- 10.1.3 Kerajaan akan, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, mengambil tindakan tatatertib terhadap Penyebutharga atau memperakukan kepada pihak berkuasa supaya membatalkan pendaftaran Penyebutharga sebagai kontraktor Kerajaan.

11. TEMPOH SAH LAKU TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran Sebut harga mestilah sah laku untuk tempoh tidak melebihi Sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup tawaran Sebut harga. Harga yang ditawarkan dalam Sebut harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia sahaja dan termasuk semua kos yang berkaitan. Kos-kos yang tersirat tidak akan dipertimbangkan. Pembayaran dilaksanakan menggunakan Sistem ePerolehan Pulau Pinang.

12. HAK JKMNPP UNTUK MENERIMA DAN MENOLAK CADANGAN SEBUT HARGA

13.1 JKMNPP mempunyai hak untuk atau menolak Sebut harga tanpa tanggungan liability kepada JKM atau obligasi untuk memaklumkan kepada Penyebutharga sebab-sebabnya.

13.2 JKMNPP berhak memilih kesemua atau sebahagian dari cadangan Penyebutharga atas kepentingan JKM.

13. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

13.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

13.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Badan Pencegah Rasuah atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

13.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

13.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

14. PERINGATAN

Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertentu atau menerima tawaran terendah sekali atau memberi sebab sesuatu tawaran Sebut harga ditolak. Segala keputusan adalah muktamad.

15. SYARAT-SYARAT AM TAWARAN SEBUT HARGA

Syarat-syarat am dan syarat-syarat lain dalam dokumen Sebut harga ini, setakat mana syarat-syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan kontrak ini hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada kontrak. Jika Penyebutharga tidak mematuhi syarat-syarat tawaran Sebut harga di atas mengenai apa-apa juga hal, maka tawaran Sebut harga akan ditolak.

16. POLISI INSURANS

Kontraktor dengan perbelanjaan sendiri dikhendaki mengambil polisi insurans bagi kenderaan yang disewakan dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan.

17. KESIMPULAN

Penyebutharga adalah dinasihati berhati-hati di dalam penyediaan semua maklumat dan memastikan maklumat yang perlu diisi di semua lampiran adalah dipatuhi.

CADANGAN KEWANGAN

(dimasukkan dalam satu sampul berasingan)

*Lampiran Q

*Lampiran A(i) : Senarai Pengalaman

*Lampiran B : Borang Maklumat Penyebutharga

*Lampiran C : Senarai Semak

*Lampiran D : Jadual Taearan Harga

*Lampiran D1 : Ringkasan Jadual Tawaran Harga

*Lampiran E : Surat Perwakilan Kuasa

*Lampiran F : Surat Akuan Pembida

*Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

*Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan

*Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan

*Penyata Bank 3 Bulan Terkini : **(Jun 2018, Julai 2018 & Ogos 2018)**

CADANGAN TEKNIKAL

(dimasukkan dalam satu sampul berasingan)

Lampiran A : Jadual Pematuhan Spesifikasi

Brosur/Katalog dan Sample Barangan (WAJIB)

LAMPIRAN A

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI

BIL	BUTIRAN BARANGAN	KUANTITI	SAIZ/BERA T	JENAMA DIBEKALKAN (Sekiranya ada)	PEMATUHAN SPESIFIKASI	
					YA	TIDAK
1	Bedak Talkum Wangi (Bersamaan : Safi)	1500 Botol	75 gram			
2	Syampu Rambut (Bersamaan : Safi)	1500 Botol	180 gram			
3	Syampu Mandian (Body Wash) Botol (Bersamaan : Safi)	1500 Botol	250 ml			
4	Ubat Gigi (Bersamaan : Safi)	1500 Unit	100 gram			
5	Berus Gigi Dewasa (SOFT) (Bersamaan : Oral-B)	7,500 Unit (1 Kit - 5 Unit Berus Gigi)	-			
6	Sikat Rambut Dengan Pemegang	3,000 Unit	-	Tidak Berkaitan		
7	Sabun Serbuk (Bersamaan : BREEZE)	1500 Unit	200 gram			
8	Berus Baju Plastik	1500 Unit	-	Tidak Berkaitan		
9	Beg Plastik Berzip Kedap Udara (LUTSINAR)	1500 Unit	35 cm (P)27 cm (L) x 8 cm (D) + Logo JKM & JATA NEGERI PULAU PINANG	Tidak Berkaitan		
10	Senarai Barang Ini (NO. 1,2,3,4,5,6,7 DAN 8) Hendaklah Di Masukkan Ke Beg Lutsinar No. 9 Dengan Kemas Mengikut Daerah- daerah Dan Di Labelkan Sticker Seperti Contoh Disertakan.	-	-	Tidak Berkaitan		
11	Item No. 1,2,3,4 & 7 Mestilah Tarikh Luputnya Adalah Minimum 2 Tahun Daripada Tarikh Barang Dibekalkan	-	-	Tidak Berkaitan		
12	SAMPLE DIWAJIBKAN			Tidak Berkaitan		

*Penyebutharga **WAJIB** menghantar bersama-sama **satu (1) sample bagi item kit bencana** semasa penyerahan dokumen sebut harga dan item tersebut tidak akan dikembalikan.

**Kos bagi setiap sample adalah di bawah tanggungan penyebut harga.

BORANG MAKLUMAT PENYEBUTHARGA

1. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

a) NO. PENDAFTARAN :

b) TEMPOH SAH :

c) TARAF SYARIKAT : **BUMIPUTERA / BUKAN BUMIPUTERA**

(Potong mana yang tidak berkenaan)

(salinan sijil pendaftaran dengan kementerian Kewangan Malaysia & pengiktirafan Bumiputera
WAJIB DIKEMUKAKAN)

2. BANK

a) NAMA BANK
:

b) ALAMAT BANK
:

c) NO. AKAUN BANK
:

(Sila sertakan salinan penyata bulanan akaun bank bagi tiga (3) bulan terakhir)

PERINGATAN :

**PENYEBUTHARAG TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI MEMPAMERKAN COP SYARIKAT /
NAMA SYARIKAT DI HELAIAN INI**

LAMPIRAN C

SENARAI SEMAK (JKMNPP/SH/02/2018)

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	DI ISI OLEH PENYEBUTHARGA SILA NYATAKAN TARIKH TAMAT SIJIL	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1	Lampiran A : Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal (Dokumen Wajib)		☐	☐
2	Katalog dan Sample Barangan (WAJIB)		☐	☐
3	Lampiran Q (Dokumen WAJIB)		☐	☐
4	Lampiran A(i) : Senarai Pengalaman / Kerja Dalam Tangan (Dokumen Wajib)		☐	☐
5	Lampiran B : Borang Maklumat Penyebutharga (Dokumen Wajib)		☐	☐
6	Lampiran C : Senarai Semak (Dokumen Wajib)		☐	☐
7	Lampiran D : Jadual Tawaran Harga (Dokumen Wajib)		☐	☐
8	Lampiran D1 : Ringkasan Jadual Tawaran Harga (Dokumen Wajib)		☐	☐
9	Lampiran E : Surat Perwakilan Kuasa (Dokumen Wajib)		☐	☐
10	Lampiran F : Surat Akuan Pembida (Dokumen Wajib)		☐	☐
11	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat & Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (Dokumen Wajib)		☐	☐
12	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Dokumen Wajib)		☐	☐
13	Profail syarikat dan dokumen sokongan (Dokumen Wajib)		☐	☐
14	Salinan Penyata Akaun Bank 3 Bulan TERKINI (Jun 2018, Julai 2018 & Ogos 2018) (Dokumen Wajib)		☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	UNTUK KEGUNAAN PEJABAT Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecualli bagi perkara bi. (jika ada) Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :
---	---

JADUAL TAWARAN HARGA

A.BARANGAN KEPERLUAN ASAS

BIL	BUTIRAN BARANGAN	KUANTITI	SAIZ/BERA T	JENAMA DIBEKALKAN (Sekiranya ada)	TAWARAN HARGA	
					SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Bedak Talkum Wangi (Bersamaan : Safi)	1500 Botol	75 gram			
2	Syampu Rambut (Bersamaan : Safi)	1500 Botol	180 gram			
3	Syampu Mandian (Body Wash) Botol (Bersamaan : Safi)	1500 Botol	250 ml			
4	Ubat Gigi (Bersamaan : Safi)	1500 Unit	100 gram			
5	Berus Gigi Dewasa (SOFT) (Bersamaan : Oral-B)	7,500 Unit (1 Kit - 5 Unit Berus Gigi)	-			
6	Sikat Rambut Dengan Pemegang	3,000 Unit	-			
7	Sabun Serbuk (Bersamaan : BREEZE)	1500 Unit	200 gram			
8	Berus Baju Plastik	1500 Unit	-			
9	Beg Plastik Berzip Kedap Udara (LUTSINAR)	1500 Unit	35 cm (P)27 cm (L) x 8 cm (D) + Logo JKM & JATA NEGERI PULAU PINANG			
10	Senarai Barang Ini (NO. 1,2,3,4,5,6,7 DAN 8) Hendaklah Di Masukkan Ke Beg Lutsinar No. 9 Dengan Kemas Mengikut Daerah- daerah Dan Di Labelkan Sticker Seperti Contoh Disertakan.	-	-			
11	Item No. 1,2,3,4 & 7 Mestilah Tarikh Luputnya Adalah Minimum 2 Tahun Daripada Tarikh Barang Dibekalkan	-	-			
12	SAMPLE DIWAJIBKAN					

*Penyebutharga **WAJIB** menghantar bersama-sama **satu (1) sample bagi item kit bencana** semasa penyerahan dokumen sebut harga dan item tersebut tidak akan dikembalikan.

*Kos bagi setiap sample adalah di bawah tanggungan penyebut harga.

CONTOH

CONTOH LABEL DI BEG PLASTIK BEZIP KEDAP UDARA (LUTSINAR) :

JATA NEGERI PULAU PINANG

LOGO JKM

CONTOH LABEL KOTAK :

LOGO PULAU PINANG

LOGO JKM

MENGIKUT SENARAI BARANG INI (NO. 1,2,3,4,5,6,7 DAN 8)
1 KOTAK X 50 UNIT
TAHUN PEROLEHAN : 2018
(PERUNTUKAN NEGERI)

RINGKASAN JADUAL HARGA

BIL	BUTIRAN BARANGAN	KUANTITI	JUMLAH (RM)
1	Bedak Talkum Wangi (Bersamaan : Safi)	1500 Botol	
2	Syampu Rambut (Bersamaan : Safi)	1500 Botol	
3	Syampu Mandian (Body Wash) Botol (Bersamaan : Safi)	1500 Botol	
4	Ubat Gigi (Bersamaan : Safi)	1500 Unit	
5	Berus Gigi Dewasa (<i>SOFT</i>) (Bersamaan : Oral-B)	7,500 Unit	
6	Sikat Rambut Dengan Pemegang	3,000 Unit	
7	Sabun Serbuk (Bersamaan : BREEZE)	1500 Unit	
8	Berus Baju Plastik	1500 Unit	
9	Beg Plastik Berzip Kedap Udara (LUTSINAR)	1500 Unit	
JUMLAH KESELURUHAN			

Saya bersetuju MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN KIT BENCANA KE JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG dengan nilai RM..... dan dibekalkan dalam tempoh satu (1) minggu.

.....
(Tandatangan Penyebutharga)

Nama :

No. K/P :

SURAT PERWAKILAN KUASA

PENGARAH
 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG
 LAPISAN 30, KOMTAR
 10564 PULAU PINANG

Tarikh :

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya No. K/P :
 selaku pemilik syarikat akan menandatangani sendiri
 semua dokumen berkaitan dengan urusan perolehan **SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN
 MENGHANTAR KIT BENCANA KE JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI
 PULAU PINANG atau** *mewakillkan kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk
 urusan perolehan tersebut iaitu :

- a) Nama :
- b) Alamat :
- c) Jawatan :
- d) No. K/P :
- e) No. Telefon :
- f) No. Fax :
- g) Alamat Email :

***Nota : *Butiran 2(a) hingga (g) perlu diisi sekiranya syarikat diwakili oleh individu
 selain daripada pemilik syarikat.***

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman / rujukan pihak tuan selanjutnya.
 Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Jabatan sekiranya terdapat perubahan
 penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....

Nama Pemilik Syarikat :

Jawatan :

Cop Syarikat :

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUT HARGA NO. JKMNPP/SH/02/2018

SEBUTHARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KIT BENCANA KE JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

Saya, (Nama Wakil Syarikat)K/P yang mewakili
(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)..... dengan ini mengistiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau memberi
rasuah kepada mana-mana individu dalam Kementerian Pembangunan wanita, Keluarga dan
Masyarakat / Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain,
sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat
Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawarkan
atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (Kementerian Pembangunan wanita,
Keluarga dan Masyarakat / Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang) atau mana-mana
individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai
wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / sebutharga* di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi tender / sebut harga* di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana
individu yang berkaitan dengan syarikat sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti
di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :
No. K/P :
Cop Syarikat :

Catatan I) *Potong mana yang tidak berkenaan
II) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

JKMNPP/SH/02/2018

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KIT BENCANA KE JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG****ALAMAT PENGHANTARAN**

ALAMAT	BIL. UNIT
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut Kompleks Masyarakat Penyayang Jalan Utama 10564 Pulau Pinang.	300 unit
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya Kompleks MBPP Balik Pulau 11000 Pulau Pinang.	300 unit
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan SPU, Jalan Bertam, 13200 Kepala Batas.	300 unit
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah Tingkat 2 Wisma Hock Teik, 1778 Jalan Ciku, 14000 Bukit Mertajam.	300 unit
Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan Kompleks Kerajaan Jawi, 14200 Sungai Jawi, Pulau Pinang.	300 unit

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga.....

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI.....

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada
Perjanjian Sebut Harga

Kepada (Nama Syarikat)	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)
.....	
No. telefon :	
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:.....	
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini.....	No. Telefon : Tarikh :

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk
kepada syarat-syarat yang ditetapkan :

- 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan
- 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan.....
- 1.3 Arahan pengiriman.....
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda
nombor sebut harga
- 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di
alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari.....
hb.....

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah hari selepas tarikh tutup.

Tarikh :

Tandatangan :

Nama Pegawai :

Jawatan :

Bil.	Perihal bekalan / perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas :	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian / Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga:	
	Tarikh penyerahan / penyempurnaan ditawarkan..... * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan			JUMLAH	

(I) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(II) Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/ perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut

Harga :

Nama dan

K/P :

Alamat

Syarikat :

Tarikh :